

# Pelbagai agensi siap siaga hadapi banjir

**KUALA LUMPUR** – Pelbagai agensi kini sedang bersiap sedia sekiranya banjir besar berlaku seperti tahun lalu walaupun pakar-pakar meramalkan tiada kejadian banjir besar di negara ini pada tahun ini.

Timbalan Pengarah Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran, Faridah Anun Tahir berkata, sebagai persediaan awal menghadapi bencana banjir, pihaknya telah meningkatkan pemantauan stesen sukat air di 72 batang sungai di seluruh negara.

“Setakat ini berdasarkan bacaan JPS,

paras air di kebanyakan sungai di seluruh negara berada di bawah paras bahaya,” katanya ketika dihubungi semalam.

Dalam pada itu, kerajaan negeri Pahang telah menyediakan lebih 400 pangkalan di seluruh negeri yang dilengkapi dengan bekalan makanan untuk kegunaan selama lima hari sekiranya banjir besar berlaku.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail berkata, kira-kira 600 pusat pemindahan banjir telah dikenal pasti dan kesemuanya berada dalam keadaan baik dari segi keleng-

kapan, bekalan elektrik dan air.

Sementara itu di Perak, Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri telah membuat persiapan rapi bagi menghadapi musim tengkujuh terutama melibatkan daerah yang berisiko tinggi dilanda banjir seperti Lenggong, Kuala Kangsar, Pantai Remis dan Bagan Serai.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Perak, Hasrin Hasbi berkata, pihak bomba akan menggandakan pemantauan 24 jam sehari sekiranya berlaku hujan lebat.